

CADANGAN KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR SISTEM BEKALAN ELEKTRIK SELAMA SATU (1) TAHUN DI UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

SPESIFIKASI DAN SYARAT-SYARAT AM UNTUK LAWATAN DAN PEMERIKSAAN JURUTERA ELEKTRIK KOMPETEN BAGI PEPASANGAN HT DAN LV

1.0 ARAHAN AM

1.1 Jurutera Elektrik Kompeten yang telah dilantik perlu membuat pemeriksaan seperti dicatat di dalam Jadual Kekerapan Lawatan Pemeriksaan yang berikut:-

PEPASANGAN		KEKERAPAN LAWATAN PEMERIKSAAN		
Voltan	Suis Gear	Pemasangan Pelesen	Pengguna Komesial Dan Lain-Lain	Pengguna Perindustrian, Petrol Kiosk & Perlombongan
Tidak melebihi 600V	Tidak melebihi 100V	-	-	-
	Melebihi 100A tetapi tidak melebihi 300A	Sekurang-kurangnya 1 kali setiap bulan	-	Sekurang-kurangnya 1 kali setiap 3 bulan
	Melebihi 300A	Sekurang-kurangnya 1 kali setiap bulan	Sekurang-kurangnya 1 kali setiap 3 bulan	Sekurang-kurangnya 1 kali setiap bulan
Melebihi 600V tetapi tidak melebihi 11kV	Semua kadar	Sekurang-kurangnya 1 kali setiap bulan		
Melebihi 11kV tetapi tidak melebihi 132kV	Semua kadar	Sekurang-kurangnya 2 kali setiap bulan		
Pemasangan sementara melebihi 100A, tapak pembinaan melebihi 100A. Taman Hiburan Awam		Sekurang-kurangnya 1 kali setiap bulan		

1.2 Jurutera Elektrik Kompeten perlulah terdiri daripada seorang Jurutera Elektrik Kompeten yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga sebagai Jurutera Perkhidmatan Elektrik Berkompotensi 11kV atau 33kV.

CADANGAN KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR SISTEM BEKALAN ELEKTRIK SELAMA SATU (1) TAHUN DI UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

SPESIFIKASI DAN SYARAT-SYARAT AM UNTUK LAWATAN DAN PEMERIKSAAN JURUTERA ELEKTRIK KOMPETEN BAGI PEPASANGAN HT DAN LV

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

Berikut adalah skop perkhidmatan yang perlu dilakukan oleh perunding jurutera perkhidmatan yang dilantik :

- a) Menjalankan segala kerja **memeriksa, merekod, mengarah dan memastikan segala sistem pemasangan voltan tinggi dalam keadaan baik dan selamat** mengikut tahap piawaian dalam Akta Suruhanjaya Tenaga sesuai dengan tahap kekompetensi dan profesionalisme sebagai Jurutera Perkhidmatan Elektrik dan menghantar laporan setiap bulan kepada Pengarah Suruhanjaya Tenaga Kawasan serta salinan kepada Jurutera Bahagian Pengurusan Fasiliti, UiTM Negeri Sembilan.
- b) Merancang dan mengawasi proses pelaksanaan selenggaraan oleh Penjaga Jentera/Kontraktor Perkhidmatan Elektrik UiTM agar dapat dijalankan dengan selamat serta menyelesaikan apa jua masalah yang timbul semasa pelaksanaan kerja selenggaraan supaya kerja ini dapat berjalan baik dan mengikut jadual.
- c) Jurutera Elektrik Kompeten setelah membuat Lawatan Pemeriksaan perlu mencatat didalam Buku Log mengenai butir-butir pemeriksaan, komen dan cadangan bagi memperbaiki /memperkemaskan lagi pemasangan yang dilawati.
- d) Mengumpul data, merancang, mengkaji (Load study) dan mengawasi proses pelaksanaan bagi kerja "Discrimination of Relay" kerja mentatah sistem kelengkapan perlindungan bagi Voltan Tinggi dan Rendah di Pencawang UiTM Negeri Sembilan (sekali dalam tempoh 3 tahun).

CADANGAN KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR SISTEM BEKALAN ELEKTRIK SELAMA SATU (1) TAHUN DI UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

SPESIFIKASI DAN SYARAT-SYARAT AM UNTUK LAWATAN DAN PEMERIKSAAN JURUTERA ELEKTRIK KOMPETEN BAGI PEPASANGAN HT DAN LV

- e) Merancang dan memberikan khidmat nasihat terhadap keperluan menaiktaraf sistem sediaada dalam meningkatkan kecekapan sistem pemasangan elektrik di UiTM Negeri Sembilan meliputi berikut :
- i. Pencawang 11kV
 - ii. Janakuasa Tunggu Sedia dan Janakuasa Bergerak.
 - iii. Papan Suis Sistem Voltan Tinggi 11kV atau 33kV.
 - iv. Papan Suis Sistem Voltan Rendah 415V
 - v. Relay dan alat kelengkapan perlindungan.
 - vi. Capacitor Bank
 - vii. Sistem Pencegah Kebakaran
 - viii. Butir-butir kerosakkan didapati di pemasangan elektrik dan alat-alat
 - ix. Punca-punca kerosakkan dan kesan-kesan kerosakkan
 - x. Pengubahsuaian jika diperlukan
 - xi. Cadangan – cadangan
 - xii. Perbezaan-perbezaan daripada Peraturan-peraturan Elektrik 1994
 - xiii. Kecacatan yang menyebabkan bahaya
 - xiv. Kecacatan-kecacatan yang berkemungkinan menyebabkan bahaya
 - xv. Pendaftaran pemasangan dan janakuasa
- f) Perunding perlu mematuhi semua undang-undang, peraturan dan prosidur UiTM, Perbendaharaan, Pihak Berkuasa Tempatan, Suruhanjaya Tenaga dan Kerajaan Malaysia amnya. Pihak UiTM juga boleh mengambil tindakan membatalkan perkhidmatan perunding jika kesalahan atau pelanggaran itu terlalu besar serta difikirkan perlu berbuat demikian demi menjaga nama baik dan kewangan UiTM.
- g) Jurutera Perkhidmatan Elektrik perlu memberi nasihat sokongan professional semasa gangguan bekalan elektrik kecemasan dan juga semasa menaiktaraf sistem pemasangan elektrik didalam kawasan UiTM.
- h) Merancang dan memberikan khidmat nasihat untuk tujuan menaiktaraf segala pemasangan sistem elektrik voltan tinggi untuk tempoh 5 tahun akan datang (sekali dalam tempoh perlantikan)

CADANGAN KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR SISTEM BEKALAN ELEKTRIK SELAMA SATU (1) TAHUN DI UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

SPESIFIKASI DAN SYARAT-SYARAT AM UNTUK LAWATAN DAN PEMERIKSAAN JURUTERA ELEKTRIK KOMPETEN BAGI PEPASANGAN HT DAN LV

- i) Jurutera Perkhidmatan Elektrik perlu membuat urusan dengan Suruhanjaya Tenaga dari segi Pendaftaran Pemasangan Bekalan Elektrik.
 - Jurutera Perkhidmatan Elektrik perlu menyediakan butiran seperti dibawah ini apabila membuat Pendaftaran Pemasangan iaitu :-
 - i. Schematic diagram setiap pencawang elektrik.
 - ii. Bacaan Maximum Demand
 - iii. Borang dan butiran yang diperlukan oleh Suruhanjaya Tenaga.
- j) Perunding Jurutera Perkhidmatan Elektrik juga bertanggungjawab terhadap segala keselamatan pemasangan di pencawang elektrik dan hendaklah memastikan segala aspek keselamatan diterapkan dalam kerja-kerja penyelenggaraan yang dilakukan termasuk menguatkuasakan segala akta bagi memastikan keselamatan pada tahap yang optimum.
- k) Jurutera Perkhidmatan Elektrik perlu membukukan terma ikutan (guideline) bagi 'perancangan sistem pembahagian UiTM'.
- l) Jurutera Perkhidmatan Elektrik perlu membukukan terma ikutan bagi 'sistem operasi dan penyelenggaraan' rangkaian sistem pemasangan voltan tinggi dan voltan rendah.
- m) Jurutera Perkhidmatan Elektrik perlu membuat pengiraan bagi menentukan pentataan alat geganti sistem perlindungan beroperasi dalam keadaan baik untuk kesemua pencawangan elektrik UiTM Negeri Sembilan.

CADANGAN KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR SISTEM BEKALAN ELEKTRIK SELAMA SATU (1) TAHUN DI UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

SPESIFIKASI DAN SYARAT-SYARAT AM UNTUK LAWATAN DAN PEMERIKSAAN JURUTERA ELEKTRIK KOMPETEN BAGI PEPASANGAN HT DAN LV

3.0 PENDAFTARAN PEPASANGAN (MELIBATKAN PEMBAHARUAN SEMULA/ PERTAMBAHAN BARU)

- 3.1 Jurutera Elektrik Kompeten perlu membuat urusan dengan Suruhanjaya Tenaga dari segi Pendaftaran Pepasangan Bekalan Elektrik
- 3.2 Jurutera Elektrik Kompeten perlu menyediakan butiran seperti dibawah ini apabila membuat Pendaftaran Pepasangan iaitu;-
- i. Shematic diagram setiap pencawang elektrik
 - ii. Bacaan Maximum Demand
 - iii. Borang dan butiran yang diperlukan oleh Suruhanjaya Tenaga

3.1 CARA PEMBAYARAN

Pembayaran akan dibuat atas dasar bulanan dengan syarat pihak Jurutera Elektrik Kompeten menghantar invois kepada pihak UiTM setelah kerja-kerja penyeliaan dan laporan disahkan oleh Pegawai Berkuasa (S.O) UiTM Negeri Sembilan.